



No. Ruj : UMS/BEN3.2.1/100-1/7/3 JILID 4 (10)

Tarikh : 18 Ogos 2017

PEKELILING BENDAHARI

Semua Dekan Fakulti/Pusat
Semua Pengarah Institut/Jabatan
Semua Ketua Unit
Semua Pemegang Waran Pusat Tanggungjawab

PEKELILING BENDAHARI BIL. 4 TAHUN 2017

SKIM PEMBIAYAAN KOMPUTER DAN KENDERAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan:

- 1.1 menetapkan syarat - syarat permohonan pembelian komputer dan kenderaan di bawah Skim Pembiayaan Komputer dan Kenderaan bagi Pegawai Universiti Malaysia Sabah.
- 1.2 menerangkan tatacara kewangan dan perakaunan yang perlu dipatuhi oleh pihak yang bertanggungjawab mengurus, memproses dan meluluskan Skim Pembiayaan Komputer dan Kenderaan Universiti Malaysia Sabah.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kemudahan Pembiayaan Komputer dan Kenderaan di UMS telah diperkenalkan kepada kakitangan Universiti Malaysia Sabah bermula pada tahun 1996.
- 2.2 Pekeliling ini disediakan berdasarkan 1Pekeliling Perbendaharaan yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 16 Mac 2017 untuk diperluaskan pemakaian dan penyesuaianya di Universiti Malaysia Sabah seperti berikut:
 - (a) WP 9.1 - Peraturan – Peraturan & Syarat – syarat Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*)
 - (b) WP 9.3 - Skim Pembiayaan Kenderaan Mengikut Prinsip Al Bai' Bithaman 'Ajil.

3.0 TAFSIRAN

Melainkan jika konteks dalam Pekeliling ini menghendaki maksud yang lain, perkataan dan rangkai kata yang dinyatakan di bawah hendaklah mempunyai erti yang berikut:

“Al-Bai’ Bithaman ‘Ajil” bererti jualan dengan harga tangguh atau jualan dengan bayaran ansuran iaitu menjual sesuatu dengan disegerakan penyerahan barang yang dijual kepada pembeli dan ditangguhkan bayaran sehingga ke satu masa yang ditetapkan atau dengan bayaran beransur-ansur.

“Amaun Pembiayaan UMS” bererti jumlah yang dibiayai oleh UMS berdasarkan kelayakan Pegawai.

“Bayaran Muka” bererti amaun ditanggung sendiri oleh Pegawai kerana kos komputer melebihi amaun pembiayaan maksimum

“Harga Belian” bererti jumlah kos bagi komputer atau kenderaan yang akan dibeli oleh pihak UMS melalui bayaran seperti berikut:

- (a) Amaun pembiayaan UMS yang diluluskan kepada pegawai;
- (b) Bayaran muka yang ditanggung oleh pegawai jika harga komputer atau kenderaan melebihi kelayakan Pegawai.

“Harga Jualan” bererti jumlah sebenar yang dibayar oleh Pegawai seperti berikut:

- (a) Bayaran muka yang ditanggung oleh Pegawai jika harga komputer atau kenderaan melebihi kelayakan pegawai.
- (b) Amaun pembiayaan dan keuntungan UMS

“Keuntungan” bererti satu kadar keuntungan yang akan ditetapkan oleh UMS dari semasa ke semasa.

“Komputer” bererti suatu sistem elektronik yang dapat memanipulasi data dengan cepat dan tepat serta dirancang dan diorganisasikan secara automatik di dalam menerima, memproses dan menghasilkan output berdasarkan arahan-arahan yang sudah disimpan di dalam sistem memori

“Meninggalkan perkhidmatan” bererti pegawai yang perkhidmatannya ditamatkan, meletak jawatan atau membuat pilihan menerima opsyen yang ditawarkan daripada agensi yang diperbadankan atau diswastakan

“Pegawai” bererti semua pegawai dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah yang sedang berkhidmat dan dilantik secara tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan

“Perisian” bererti program-program yang membolehkan komputer dan telefon pintar (*smartphones*) melakukan tugas-tugas tertentu seperti perisian sistem, perisian pengaturcaraan dan perisian penggunaan tetapi tidak termasuk perisian permainan.

“Perkakasan” bererti komponen jenis fizikal yang dihubungkan secara terus dengan komputer/telefon pintar (*smartphones*). Ia juga merupakan alat yang digunakan sebagai input, aktiviti pemprosesan dan output.

“Polisi perlindungan takaful” bererti suatu skim perlindungan insurans komputer / kenderaan yang berasaskan kepada prinsip saling jamin-menjamin yang diluluskan oleh UMS

“Telefon pintar” bererti telefon bimbit yang mempunyai ciri pengkomputeran maju dan ketersambungan berbanding dengan telefon bimbit biasa. Telefon pintar membolehkan penggunanya memasang aplikasi canggih di dalamnya berasaskan pelantar telefon seperti Symbian, Android, iOS, Windows Phone atau yang seumpama dengannya. Ia juga menggunakan sistem pengendalian yang menyediakan satu pelantar untuk membina aplikasi.

“Waris” bererti Waris terdekat yang terdiri:

- (a) Isteri dan anak – anak bagi pegawai lelaki yang telah berkahwin; atau
- (b) Suami dan anak – anak bagi pegawai perempuan yang telah berkahwin; atau
- (c) ibu bapa bagi pegawai bujang.

4.0 SKIM PEMBIAYAAN KOMPUTER DAN KENDERAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

- 4.1 Panduan yang disertakan bersama – sama dengan pekeliling ini adalah meliputi 2 (dua) jenis kemudahan pembiayaan kepada semua pegawai yang berkelayakan iaitu:
 - (a) Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*)
 - (b) Skim Pembiayaan Kenderaan
- 4.2 Syarat-syarat, borang permohonan serta kuasa melulus permohonan yang ditetapkan dalam panduan ini adalah diterima pakai bagi kemudahan pembiayaan seperti pada para 4.1 kepada semua Pegawai UMS yang berkelayakan.

5.0 KUASA MELULUS PERMOHONAN

- 5.1 Kuasa melulus permohonan pembiayaan kenderaan / komputer dan telefon pintar (*smartphones*) ini adalah tertakluk kepada Jawatankuasa Pinjaman Kenderaan dan Komputer (JPKK) Universiti Malaysia Sabah.
- 5.2 Keanggotaan Jawatankuasa Pinjaman Kenderaan dan Komputer adalah terdiri daripada :-

| | | |
|------------|---|--|
| Pengerusi | : | Bendahari |
| Ahli | : | Pendaftar atau Wakil Pendaftar |
| Setiausaha | : | Pegawai Kewangan, Jabatan Bendahari |
- 5.3 Kekerapan mesyuarat jawatankuasa adalah sekurang – kurangnya 6 kali setahun bergantung kepada jumlah permohonan yang diterima daripada kakitangan Universiti.

5.4 Peranan jawatankuasa adalah seperti berikut:

- (a) Meluluskan permohonan pembiayaan oleh kakitangan yang layak.
- (b) Membuat penilaian dan mengesahkan dokumen – dokumen berkaitan berdasarkan garis panduan pekeliling dan peraturan pembiayaan yang berkuatkuasa.
- (c) memantau pengurusan kredit pembiayaan.

6.0 PEMAKAIAN DAN KUATKUASA PEKELILING

6.1 Peraturan dalam pekeliling ini hendaklah dipatuhi sepenuhnya dan mana-mana pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling ini, boleh dikenakan surcaj dan/atau tindakan tatatertib.

6.2 Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“Bertekad Cemerlang”

Yang ikhlas,



ZALLIFAH SHADAN
Bendahari

s.k

- Y. Brs. Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Pendaftar
- Ketua Bahagian Audit Dalam
- Ketua Bahagian/Zon Operasi / Sektor Kewangan Jabatan Bendahari